

KERTAS MODEL

2

Masa: 2 jam

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A [25 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Udara di kampung tersangat nyaman sekali pada waktu pagi.

(ii) Negara Thailand mengisytiharkan hari berkabung selama setahun berikutan kematian Raja Bhumibol yang memerintah negara selama 70 tahun.

(iii) Emak membeli ayam telur dan tepung gandum dari kedai runcit untuk membuat kuih baulu.

(iv) Semua bahan yang diperlukan untuk membuat biskut kacang itu telah disediakan oleh saya.

[8 markah]

- 2 Dalam petikan dialog di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin dialog itu semula.

Cikgu Mariyam : Untuk maklumat semua, pertandingan rekacipta ini terbuka kepada semua golongan murid. Sesiapa yang berminat diminta melengkapkan borang penyertaan ini dan hantarkan bersama hasil ciptaan kepada cikgu pada akhir bulan ini.

Azura : Cikgu, apakah pra-syarat untuk memenangi pertandingan ini?

Cikgu Mariyam : Bagi memenangi pertandingan ini, hasil ciptaan kamu perlulah kreatif dan reka bentuknya mestilah menarik.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]